

SULTAN PAHANG BERKENAN BERANGKAT LAWAT PPSAS

KUANTAN, 17 SEPTEMBER 2024 : Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah berkenan mencemar duli melawat Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS).

Al-Sultan Abdullah yang berangkat tiba di bangunan blok B PPSAS pada 10.45 pagi dengan memandu sendiri kenderaan disambut oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail dan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Haji Yaacob.

Baginda kemudiannya berkenan ke tingkat enam yang menempatkan Pejabat YAB Menteri Besar dan meluangkan masa kira-kira 40 minit mengadakan perbincangan tertutup dan melawat kawasan pejabat.

Paduka Baginda juga turut berkenan menandatangani buku pelawat di Pejabat YAB Menteri Besar sebelum mencemar duli melawat pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang di tingkat lima serta Pejabat Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang di tingkat empat seterusnya Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan di tingkat tiga.

Kebawah Duli Paduka Baginda kemudiannya berkenan mendengar sembah taklimat berkenaan kemajuan pembinaan bangunan pentadbiran oleh Pengurus Besar, Pembinaan Kanan PPSAS, YBhg. Encik Hazlan Ghazali.

Keberangkatan tiba Paduka Baginda turut disambut oleh YB. Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, Dato' Sri Saiful Edris Zainuddin; YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar; YB Speaker Dewan Negeri Pahang, Dato' Sri Mohd Sharkar Shamsuddin; dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang.-
PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Farizul Hafiz Awang

(LIPUTAN BERGAMBAR)



